

19 MAR 2001

Hutan-sambutan

PM LANCAR DUA BUKU SEMPERA ULANG TAHUN KE-100 JABATAN PERHUTANAN

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan dua buah buku sempena ulangtahun ke-100 Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia yang akan disambut mulai bulan depan.

Dua buah berjudul "Sejarah Bergambar" dan "Teknikal 100 Years Forestry" itu akan dilancarkan pada 16 Oktober sempena acara kemuncak perasmian ulangtahun jabatan itu.

Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Datuk Zul Mukhshar Md Shaari berkata selain pelancaran buku itu, satu setem kenangan juga akan dilancarkan pada hari berkenaan.

"Buku tersebut mengandungi sejarah dan perkembangan aktiviti-aktiviti jabatan selama 100 tahun," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Katanya pelbagai program telah diatur sempena sambutan itu.

Sebagai pembuka tirai sambutan, katanya Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo akan melancarkan Hari Perhutanan Sedunia peringkat nasional di Shah Alam pada 14 April ini.

Zul Mukhshar berkata pelbagai program seperti pertandingan melukis bagi kanak-kanak, larian hutan, ceramah di sekolah-sekolah dan lawatan media ke hutan akan turut diadakan pada hari tersebut.

"Diharapkan program yang akan dijalankan nanti akan memberi kesedaran yang lebih pada masyarakat tentang peranan yang dimainkan Jabatan Perhutanan," katanya.

Katanya jabatan itu juga akan menganjurkan satu perkhemahan bagi 2,000 pelajar selama dua hari di beberapa kawasan rekreasi di seluruh negara bermula 26 Mei ini.

Zul Mukhshar berkata sempena sambutan ulangtahun, satu persidangan perhutanan peringkat negara kali ke-13 akan turut diadakan selama lima hari di Johor Baharu bermula 20 Ogos depan.

Zul Mukhshar juga turut melancarkan laman web khas sempena 100 tahun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Maklumat lanjutan mengenai program jabatan boleh diperolehi menerusi laman web beralamat forestry.gov.my.

-- BERNAMA

KK DC LAT